28 Ogos 2018
28 August 2018
P.U. (A) 203

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN 2018

SALES TAX REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN 2018

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN

3. Permohonan untuk pendaftaran
4. Pemberitahuan pendaftaran
5. Pengilang berdaftar hendaklah menduduki premis
6. Pemberitahuan ke atas perubahan butir-butir pengilang berdaftar

BAHAGIAN III

INVOIS

7. Invois

BAHAGIAN IV

NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

8. Pengeluaran nota kredit dan nota debit

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN V

PENYATA

9. Cara mengemukakan penyata
10. Pengemukaan penyata
11. Pembetulan kesilapan

BAHAGIAN VI

PEMBAYARAN CUKAI JUALAN, DSB.

12. Pembayaran cukai jualan, dsb.
13. Pembayaran cukai jualan atau penalti secara ansuran

BAHAGIAN VII

PEMBAYARAN BALIK DAN PEMBAYARAN SEMULA

14. Cara menuntut pembayaran balik di bawah perenggan 39(1)*(a)* atau subseksyen 35(6) atau 41(3) Akta
15. Cara menuntut pembayaran balik cukai jualan berhubung dengan hutang lapuk
16. Cara membuat pembayaran semula

BAHAGIAN VIII

PULANG BALIK

17. Pulang balik

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PETROLEUM

18. Peruntukan tambahan yang berhubungan dengan petroleum
19. Permohonan pendaftaran
20. Pelan yang diluluskan
21. Penyimpanan petroleum
22. Gred petroleum tidak boleh diubah tanpa kelulusan
23. Saluran paip dan tangki simpanan
24. Meter dan peranti
25. Kebocoran
26. Kuantiti yang dibenarkan untuk dihapus kira

BAHAGIAN X

PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

27. Tafsiran
28. Penggunaan perkhidmatan elektronik
29. Cara menggunakan perkhidmatan elektronik
30. Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

31. Maklumat kepada Mahkamah Sesyen
32. Permohonan untuk kajian semula
33. Pejabat pentadbiran cukai jualan
34. Penalti am

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

35. Waktu pejabat dan waktu pembayaran

36. Borang

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 106 Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2018.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

"Borang JKDM No. 2" ertinya borang yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [*P.U. (A) 162/1977*];

"Pusat Pemprosesan Kastam" ertinya pejabat Kastam yang ditetapkan bagi maksud menerima penyata dan pembayaran cukai jualan, surcaj, penalti, fi dan apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah Akta.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN

Permohonan untuk pendaftaran

3. (1) Mana-mana pengilang—

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(a) yang bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 12 Akta; atau

(b) yang secara sukarela memohon untuk berdaftar di bawah seksyen 14 atau seksyen 20 Akta,

hendaklah memohon dalam Borang SST-01.

(2) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah secara elektronik.

Pemberitahuan pendaftaran

4. Mana-mana pengilang yang diluluskan bagi pendaftaran hendaklah diberitahu secara bertulis dan diberikan dengan suatu nombor pengenalan.

Pengilang berdaftar hendaklah menduduki premis

5. (1) Pengilang berdaftar hendaklah menduduki premis di mana pengilang berdaftar menjalankan perniagaannya.

(2) Mana-mana pengilang berdaftar yang melanggar subperaturan (1) melakukan kesalahan.

Pemberitahuan ke atas perubahan butir-butir pengilang berdaftar

6. (1) Mana-mana pengilang berdaftar hendaklah dengan serta-merta memberitahu pegawai kanan cukai jualan secara bertulis apabila—

(a) terdapat apa-apa perubahan pada nama perniagaannya;

(b) terdapat apa-apa perubahan pada alamat mana-mana premis perniagaannya;

(c) terdapat apa-apa perubahan pada pekongsi dalam perkongsian itu;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(d) terdapat apa-apa perubahan pada status perniagaannya;

(e) terdapat apa-apa pertukaran atau penambahan bagi barang bercukai; atau

(f) terdapat pembukaan mana-mana premis baru perniagaan atau penutupan mana-mana premis perniagaan.

(2) Pegawai kanan cukai jualan hendaklah merekodkan perubahan yang diberitahu itu.

(3) Mana-mana pengilang berdaftar yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

INVOIS

Invois

7. Seorang pengilang berdaftar yang mengeluarkan suatu invois hendaklah menyatakan ke atasnya butir-butir yang berikut:

(a) nombor siri invois;

(b) tarikh invois;

(c) nama, alamat dan nombor pengenalan pengilang berdaftar;

(d) nama dan alamat orang yang kepadanya barang bercukai dijual;

(e) suatu perihalan yang mencukupi untuk mengenal pasti barang bercukai yang dijual;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(f) apa-apa diskaun yang ditawarkan;

(g) bagi setiap perihalan, bezakan jenis barang bercukai, kuantiti barang bercukai dan amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai jualan;

(h) jumlah amaun yang kena dibayar tidak termasuk cukai jualan, kadar cukai jualan dan jumlah cukai jualan yang boleh dikenakan ditunjukkan sebagai suatu amaun yang berasingan atau jumlah amaun yang kena dibayar termasuk jumlah cukai jualan yang boleh dikenakan;

(i) apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam suatu mata wang selain ringgit hendaklah juga dinyatakan dalam ringgit pada kadar pertukaran jualan yang dipakai di Malaysia pada masa penjualan barang bercukai itu.

BAHAGIAN IV
NOTA KREDIT DAN NOTA DEBIT

Pengeluaran nota kredit dan nota debit

8. (1) Pengilang berdaftar yang menjual barang bercukai hendaklah mengeluarkan suatu nota kredit jika, selepas penyata bagi tempoh bercukai telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, terdapat pengurangan kepada amaun cukai jualan yang kena dibayar dalam hal keadaan yang berikut:

(a) mana-mana barang bercukai dikembalikan oleh pembeli atas sebab salah kuantiti, kualiti tidak baik atau cacat atau barang bercukai yang tidak dikontrakkan, dengan syarat bahawa barang bercukai itu belum lagi kemudiannya dijual atau dilupuskan oleh pembeli; atau

(b) diskaun diberikan berkenaan dengan barang bercukai yang dijual dan yang boleh digunakan dengan bebas oleh mana-mana orang yang bersedia menjalankan perniagaan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Pengilang berdaftar yang menjual barang bercukai hendaklah mengeluarkan suatu nota debit jika, selepas penyata bagi tempoh bercukai telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah, terdapat penambahan kepada amaun cukai jualan yang kena dibayar jika oleh sebab apa-apa pelarasan harga.

(3) Jika terdapat pengurangan, atau tambahan kepada, amaun cukai jualan di bawah subperaturan (1) dan (2)—

(a) pengilang berdaftar hendaklah membuat pengurangan atau penambahan cukai jualan dalam penyata bagi tempoh bercukai yang nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan; atau

(b) dalam hal pengilang yang telah terhenti menjadi pengilang berdaftar, pengilang itu hendaklah membuat pengurangan atau penambahan cukai jualan dalam penyata bagi tempoh bercukai terakhir yang dalam tempoh tersebut dia berdaftar.

(4) Nota kredit atau nota debit yang dikeluarkan hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

(a) perkataan "nota kredit" atau "nota debit" tertera dengan jelas;

(b) nombor siri nota kredit atau nota debit;

(c) tarikh nota kredit atau nota debit dikeluarkan;

(d) nama, alamat dan nombor pengenalan pengilang berdaftar;

(e) nama dan alamat orang yang kepadanya barang bercukai dijual;

(f) sebab nota kredit atau nota debit dikeluarkan;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(g) suatu perihalan, kuantiti dan amaun barang bercukai yang baginya nota kredit atau nota debit itu diberikan;

(h) jumlah amaun tidak termasuk cukai jualan;

(i) kadar dan amaun cukai jualan; dan

(j) nombor dan tarikh invois asal yang telah dikeluarkan.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN V

PENYATA

Cara mengemukakan penyata

9. (1) Setiap orang kena cukai hendaklah mengemukakan suatu penyata bagi setiap tempoh bercukai yang dikehendaki di bawah seksyen 26 Akta dalam Borang SST-02.

(2) Semua butir-butir yang dikehendaki dalam Borang SST-02 hendaklah dikemukakan oleh orang kena cukai itu dan hendaklah mengandungi suatu perakuan bahawa penyata itu adalah benar dan lengkap.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan.

Pengemukaan penyata

10. (1) Suatu penyata yang dibuat di bawah peraturan 9 hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui pos ke Pusat Pemprosesan Kastam atau melalui perkhidmatan elektronik.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Suatu penyata hendaklah disifatkan telah dikemukakan—

(a) dalam hal penyerahan melalui pos, pada tarikh tanda pos; atau

(b) dalam hal perkhidmatan elektronik, apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik.

Pembetulan kesilapan

11. (1) Jika orang kena cukai membuat suatu kesilapan dalam apa-apa penyata yang dikemukakan di bawah Akta, dia boleh membetulkan kesilapan itu secara sukarela.

(2) Pembetulan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat—

(a) dalam Borang SST-02; dan

(b) dengan cara dan dalam masa sebagaimana yang ditetapkan oleh pegawai kanan cukai jualan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (2)*(b)* melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VI

PEMBAYARAN CUKAI JUALAN, DSB.

Pembayaran cukai jualan, dsb.

12. (1) Pembayaran cukai jualan berkenaan dengan apa-apa penyata yang dibuat di bawah seksyen 26 Akta, surcaj, penalti, fi atau apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah Akta hendaklah dibuat sama ada melalui cek, draf bank atau perbankan elektronik.

(2) Berhubung dengan pembayaran yang dibuat melalui cek atau draf bank, cek atau draf bank itu hendaklah dihantar kepada Pusat Pemprosesan Kastam melalui pos.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Apa-apa cek atau draf bank yang dihantar melalui pos di bawah subperaturan (2) hendaklah disifatkan telah diterima pada tarikh tanda pos.

(4) Apa-apa cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau apa-apa wang lain hendaklah disifatkan telah dibayar apabila pembayaran diterima oleh Ketua Pengarah dengan syarat—

(a) jika apa-apa cek atau draf bank yang diterima oleh Ketua Pengarah dan tidak dibayar semasa penyerahan, amaun tersebut hendaklah disifatkan tidak diterima walau apa pun apa-apa resit diberikan sehingga amaun itu telah dibayar sewajarnya kepada Ketua Pengarah; atau

(b) jika pembayaran dibuat melalui bank, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun itu dimasukkan untuk dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Pembayaran cukai jualan atau penalti secara ansuran

13. Apa-apa pembayaran cukai jualan atau penalti secara ansuran di bawah seksyen 32 Akta boleh dibenarkan jika pembayaran cukai jualan atau penalti secara keseluruhan boleh menyebabkan kesusahan kewangan yang tidak berpatutan kepada pengilang berdaftar.

BAHAGIAN VII

PEMBAYARAN BALIK DAN PEMBAYARAN SEMULA

Cara menuntut pembayaran balik di bawah perenggan 39(1)*(a)* atau subseksyen 35(6) atau 41(3) Akta

14. (1) Suatu permohonan bagi pembayaran balik di bawah perenggan 39(1)*(a)* atau subseksyen 35(6) atau 41(3) Akta hendaklah dibuat dalam borang JKDM No. 2.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(2) Suatu permohonan yang berasingan hendaklah dibuat berkenaan dengan setiap tuntutan yang baginya pembayaran balik dituntut.

(3) Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang membuat tuntutan di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan dokumen dan maklumat bagi maksud mengesahkan tuntutan itu.

Cara menuntut pembayaran balik cukai jualan berhubung dengan hutang lapuk

15. (1) Suatu permohonan bagi pembayaran balik cukai jualan berhubung dengan hutang lapuk di bawah seksyen 36 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 2 berserta dokumen yang berikut:

(a) suatu salinan invois yang dikeluarkan di bawah seksyen 21 Akta;

(b) Borang SST-02 dan apa-apa dokumen lain yang menunjukkan orang itu telah mengakaun dan membayar cukai jualan itu;

(c) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan pembayaran berkenaan dengan cukai jualan telah tidak diterima;

(d) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan segala usaha yang munasabah telah diambil oleh orang itu untuk mendapatkan balik pembayaran berkenaan dengan jualan barang bercukai itu; dan

(e) rekod atau apa-apa dokumen lain yang menunjukkan pembayaran berkenaan dengan jualan barang bercukai telah dihapus kira dalam akaun orang itu sebagai hutang lapuk.

(2) Orang yang menuntut pembayaran balik di bawah subperaturan (1) dikehendaki menyimpan segala rekod dan dokumen yang berkaitan dengan tuntutan itu untuk tempoh

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

tujuh tahun daripada tarikh tuntutan itu untuk pemeriksaan pegawai cukai jualan yang hak pada bila-bila masa.

(3) Pegawai cukai jualan yang hak boleh menghendaki orang yang membuat tuntutan di bawah subperaturan (1) untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat bagi maksud mengesahkan tuntutan itu.

(4) Ketua Pengarah boleh tidak membenarkan apa-apa pembayaran balik—

(a) jika rekod atau dokumen yang dikemukakan adalah tidak benar atau tidak betul; atau

(b) atas apa-apa sebab yang lain bagi maksud perlindungan hasil.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) dan (3) melakukan suatu kesalahan.

Cara membuat pembayaran semula

16. (1) Apabila seseorang membuat suatu pembayaran semula di bawah seksyen 37 Akta, dia hendaklah berbuat demikian—

(a) dalam hal pengilang berdaftar, dengan memasukkan amaun yang kena dibayar semula kepada Ketua Pengarah dalam penyatanya dalam tempoh bercukai yang dia menerima pembayaran cukai jualan daripada pembeli; dan

(b) dalam hal seseorang yang terhenti menjadi pengilang berdaftar, dengan memasukkan amaun yang kena dibayar semula kepada Ketua Pengarah dalam penyatanya dalam tempoh bercukai terakhir yang dia berdaftar.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN VIII

PULANG BALIK

Pulang balik

17. (1) Pulang balik cukai jualan di bawah seksyen 40 Akta boleh dibenarkan kepada mana-mana orang yang cukai jualan telah dibayar tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) barang bercukai itu telah dieksport dalam tempoh enam bulan daripada—

(i) tarikh cukai jualan itu dibayar bagi pengimportan barang bercukai itu; atau

(ii) tarikh invois dikeluarkan bagi pembelian barang bercukai itu;

(b) suatu permohonan bagi pulang balik cukai jualan hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 2—

(i) dalam masa tiga bulan dari tarikh barang bercukai itu dieksport; dan

(ii) borang itu hendaklah diserahkan kepada pegawai kanan cukai jualan di mana pemohon itu mempunyai premis perniagaannya;

(c) barang bercukai yang cukai jualan telah dibayar dan pulang balik dituntut di bawah seksyen 40 Akta hendaklah dibuat akuan dalam borang akuan eksport Kastam yang berkenaan dan ditentukan dengan memuaskan hati pegawai kanan cukai jualan bahawa barang bercukai itu tersebut telah dieksport;

(d) pembayaran pulang balik ke atas barang bercukai yang hendak dieksport tidak dilarang oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967;

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(e) barang bercukai itu telah tidak digunakan selepas pengimportan atau selepas pembayaran cukai jualan; dan

(f) tiap-tiap orang yang menuntut pulang balik hendaklah membuat akuan bahawa barang bercukai itu tidak akan didaratkan semula atau diturunkan dan tidak diniatkan untuk didaratkan semula atau diturunkan pada mana-mana tempat di dalam Malaysia.

(2) Bagi maksud perenggan 17(1)*(b)*, suatu permohonan pulang balik hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 2 berserta borang dan dokumen yang berikut:

(a) borang kastam No. 1, borang kastam No. 9, invois dari pengilang berdaftar atau apa-apa dokumen lain yang mengandungi butir-butir cukai jualan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) invois jualan kepada pembeli, salinan borang kastam No. 2 atau apa-apa dokumen lain yang mengandungi butir-butir pengeksportan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang mengemukakan permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah selain dokumen dan borang yang dinyatakan dalam subperenggan (1) dan (2), mengemukakan apa-apa dokumen dan maklumat lain sekiranya dikehendaki oleh pegawai kanan cukai jualan.

(4) Bagi maksud subperaturan (2), "borang kastam No. 1", "borang kastam No. 2" dan "borang kastam No. 9" ertinya borang yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kastam 1977.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PETROLEUM

Peruntukan tambahan yang berhubungan dengan petroleum

18. Pengilang yang dikehendaki berdaftar di bawah seksyen 13 Akta yang mengilang petroleum hendaklah, sebagai tambahan kepada peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, mematuhi Bahagian ini.

Permohonan pendaftaran

19. Suatu permohonan bagi pendaftaran di bawah subperaturan 3(1) hendaklah disertakan dengan pelan dan lukisan untuk kelulusan Ketua Pengarah yang menyatakan—

(a) tapak bina;

(b) susun atur premis perniagaan;

(c) susun atur loji, jentera, kelengkapan, saluran paip, meter dan peranti; dan

(d) tangki simpanan.

Pelan yang diluluskan

20. (1) Apa-apa pelan dan lukisan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah hendaklah ditandatangani olehnya.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa menghendaki pengilang yang bertanggungan untuk berdaftar untuk membuat apa-apa perubahan yang difikirkan perlu olehnya kepada mana-mana pelan dan lukisan.

(3) Pengilang yang bertanggungan untuk berdaftar hendaklah tidak melencong dari suatu pelan dan lukisan yang telah diluluskan kecuali dengan kelulusan bertulis Ketua Pengarah.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Penyimpanan petroleum

21. Pengilang berdaftar hendaklah menyimpan petroleum bercukai di dalam tangki simpanan di dalam gudang berlesen, atau mana-mana premis dalam zon bebas sahaja.

Gred petroleum tidak boleh diubah tanpa kelulusan

22. Pengilang berdaftar hendaklah tidak mengubah gred mana-mana petroleum yang disimpan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah terlebih dahulu dan kelulusan itu boleh diberi tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut olehnya.

Saluran paip dan tangki simpanan

23. (1) Semua saluran paip dan tangki simpanan hendaklah ditentukur oleh jurukur bebas yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dan salinan yang diperakui bagi tentukur itu hendaklah disimpan dengan Ketua Pengarah.

(2) Semua saluran paip yang membawa petroleum cecair atau gas hendaklah ditandakan atau diwarnakan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Semua saluran paip yang dipasang dengan meter dan peranti hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah.

Meter dan peranti

24. (1) Semua meter dan peranti yang digunakan untuk menyukat petroleum hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengilang berdaftar hendaklah memastikan bahawa semua meter dan peranti yang diluluskan di bawah subperaturan (1) disenggarakan dengan sepatutnya dan suatu rekod mengenai penyenggaraan itu hendaklah disimpan dan hendaklah dikemukakan apabila diminta untuk diperiksa oleh seorang pegawai cukai jualan yang hak.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(3) Pengilang berdaftar hendaklah menyebabkan semua meter dan peranti itu diuji secara berkala untuk ketepatan oleh orang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(4) Apa-apa kerosakan pada atau kegagalan fungsi mana-mana meter atau peranti hendaklah dilaporkan dengan segera oleh pengilang berdaftar kepada pegawai cukai jualan yang hak dan meter atau peranti itu hendaklah tidak boleh digunakan sehingga meter atau peranti itu dibaiki atau diganti.

(5) Tiada perubahan boleh dibuat kepada mana-mana meter atau peranti yang diluluskan di bawah subperaturan (1) tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah terlebih dahulu.

Kebocoran

25. (1) Pengilang berdaftar hendaklah membaiki dengan segera apa-apa kebocoran petroleum yang berlaku dalam tempat atau premisnya.

(2) Apa-apa kebocoran petroleum yang didapati atau tindakan pembetulan yang diambil hendaklah dilaporkan oleh pengilang berdaftar kepada pegawai cukai jualan yang hak dengan segera.

Kuantiti yang dibenarkan untuk dihapus kira

26. Ketua Pengarah boleh membenarkan untuk dihapus kira sebagai kehilangan sejatan berkenaan dengan petroleum dalam simpanan atau dalam transit dalam amaun 0.5% berkenaan dengan petrol dan 0.25% berkenaan dengan diesel.

BAHAGIAN X

PERKHIDMATAN ELEKTRONIK

Tafsiran

27. Dalam Bahagian ini, "kod pengesahan" ertinya suatu kod pengenalan atau pengenalpastian, suatu kata laluan atau apa-apa kaedah atau prosedur pengesahan yang

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

diberikan oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang bagi maksud mengenal pasti dan mengesahkan akses kepada dan penggunaan perkhidmatan elektronik oleh orang itu.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

28. (1) Ketua Pengarah boleh memberikan kepada mana-mana orang—

(a) suatu kod pengesahan; dan

(b) suatu akaun dengan perkhidmatan elektronik,

untuk menggunakan perkhidmatan elektronik yang disediakan di bawah seksyen 102 Akta tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang diberikan oleh Ketua Pengarah suatu kod pengesahan di bawah subperaturan (1) hendaklah menjadi seorang pengguna berdaftar dan dia—

(a) hendaklah mengaku terima penerimaan kod pengesahan;

(b) hendaklah memastikan kod pengesahannya dirahsiakan; dan

(c) hendaklah tidak mendedahkan kod pengesahannya kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa.

(3) Suatu notis elektronik yang dibuat dan dihantar di bawah Akta oleh seorang pengguna berdaftar hendaklah disifatkan telah memenuhi kehendak untuk pemfailan, pengemukaan atau penyerahan jika notis tersebut dihantar kepada Ketua Pengarah dengan cara sebagaimana yang ditentukan di bawah Bahagian ini.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Cara menggunakan perkhidmatan elektronik

29. (1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai jualan yang diberi kuasa olehnya boleh menyampaikan apa-apa notis kepada seorang pengguna berdaftar dengan menghantar notis itu kepada akaun perkhidmatan elektronik pengguna berdaftar itu.

(2) Jika suatu dokumen yang dikehendaki untuk dicap, ditandatangani atau dimeterai di bawah Akta difailkan, dikemukakan atau dihantar secara elektronik melalui perkhidmatan elektronik, kehendak bagi pengakusaksian cap, tandatangan atau meterai adalah tidak terpakai.

(3) Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh seorang pengguna berdaftar boleh membuat dan menghantar apa-apa notis elektronik bagi pihak pengguna berdaftar itu melalui perkhidmatan elektronik.

(4) Jika apa-apa notis elektronik dibuat dan dihantar bagi pihak mana-mana pengguna berdaftar di bawah subperaturan (3), notis itu hendaklah disifatkan telah dibuat dan dihantar dengan kuasa pengguna berdaftar itu dan pengguna berdaftar itu hendaklah disifatkan sebagai mempunyai pengetahuan tentang semua perkara di dalamnya.

(5) Jika suatu notis elektronik dihantar kepada Ketua Pengarah dengan menggunakan kod pengesahan yang diberikan kepada pengguna berdaftar—

(a) dengan atau tanpa kuasa pengguna berdaftar; dan

(b) sebelum pemberitahuan kepada Ketua Pengarah untuk pembatalan kod pengesahan,

notis itu hendaklah, bagi maksud Akta, dianggap telah dibuat oleh pengguna berdaftar itu melainkan jika dia boleh mengemukakan keterangan yang berlawanan.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(6) Jika suatu kesilapan dibuat dalam apa-apa notis elektronik oleh pengguna berdaftar di bawah peraturan ini, dia hendaklah membetulkannya melalui perkhidmatan elektronik dalam masa dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(7) Walau apa pun subperaturan (6), Ketua Pengarah boleh mengarahkan atau membenarkan seorang pengguna berdaftar untuk membetulkan apa-apa notis elektronik yang dibuat dan dihantar olehnya di bawah peraturan ini mengikut cara dan dalam masa sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(8) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud perkhidmatan elektronik, meluluskan penggunaan apa-apa lambang, kod, singkatan atau tatatanda bagi mewakili apa-apa butir atau maklumat yang dikehendaki di bawah Akta.

(9) Jika suatu notis elektronik dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar kepada Ketua Pengarah di bawah Akta yang tidak mematuhi apa-apa kehendak Bahagian ini, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai cukai jualan yang diberi kuasa olehnya, boleh menyampaikan suatu notis kepada pengguna berdaftar itu yang menunjukkan ketidakpatuhan kehendak itu, dan notis elektronik itu tidak boleh disifatkan telah dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah oleh pengguna berdaftar itu.

Penamatan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar

30. Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa melalui notis kepada pengguna berdaftar, menamatkan penyediaan perkhidmatan elektronik kepada pengguna berdaftar itu jika pengguna berdaftar itu—

(a) tidak mematuhi apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah;

(b) melanggar apa-apa peraturan dalam Bahagian ini; atau

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

(c) memberitahu Ketua Pengarah untuk membatalkan kod pengesahan dan akaun perkhidmatan eletronik yang diberikan kepadanya.

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

Maklumat kepada Mahkamah Sesyen

31. Bagi maksud suatu rujukan dibuat kepada Mahkamah Sesyen di bawah perenggan 82(4)*(b)* Akta, pegawai kanan cukai jualan hendaklah mengemukakan maklumat berkenaan dengan barang yang disita kepada Mahkamah Sesyen dalam Borang SST-04.

Permohonan untuk kajian semula

32. Suatu permohonan untuk kajian semula yang dibuat di bawah seksyen 96 Akta hendaklah dalam Borang SST-03.

Pejabat pentadbiran cukai jualan

33. Lokasi pejabat pentadbiran cukai jualan bagi maksud cukai jualan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Penalti am

34. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Waktu pejabat dan waktu pembayaran

35. (1) Waktu biasa yang pejabat pentadbiran cukai jualan hendaklah dibuka bagi urusan yang berhubungan dengan cukai jualan adalah seperti yang berikut:

(a) di Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan) jika hari kelepasan mingguan ialah Sabtu dan Ahad,

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

waktu tersebut hendaklah dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat; dan

(b) di Negeri Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu, yang hari kelepasan mingguan ialah Jumaat dan Sabtu, waktu tersebut hendaklah—

(i) dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Ahad hingga Rabu; dan

(ii) dari 8.00 pagi hingga 3.30 petang pada hari Khamis.

(2) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai jualan, surcaj, penalti, fi dan wang lain melalui perkhidmatan elektronik, waktu biasa hendaklah dari 7.30 pagi hingga 11.30 malam pada mana-mana hari dalam minggu itu.

(3) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai jualan di bawah seksyen 26 Akta, jika hari terakhir jatuh pada hari kelepasan mingguan Persekutuan atau hari kelepasan am Persekutuan, maka hari terakhir untuk menerima penyata dan pembayaran itu adalah pada hari sebaik selepas hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am Persekutuan itu.

(4) Pejabat pentadbiran cukai jualan hendaklah ditutup—

(a) pada setiap hari kelepasan mingguan;

(b) pada setiap hari yang ditetapkan sebagai hari kelepasan am Persekutuan; dan

(c) pada setiap hari yang ditetapkan sebagai hari kelepasan am Negeri bagi Negeri atau hari kelepasan am Wilayah Persekutuan bagi Wilayah Persekutuan yang pejabat itu terletak:

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Dengan syarat—

(i) jika mana-mana dua atau semua hari yang dinyatakan dalam perenggan *(a), (b)* dan *(c)* di atas, jatuh pada hari yang sama, pejabat itu akan ditutup pada hari berikutnya dan jika hari kemudian itu ialah hari yang telah dinyatakan dalam perenggan *(a), (b)* atau *(c)* di atas, pejabat itu ditutup pada hari yang berikutnya; dan

(ii) jika tarikh suatu hari kelepasan yang diisytiharkan di bawah Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*] atau mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan perisytiharan hari kelepasan am adalah tertakluk kepada ubah suaian, tarikh hari kelepasan itu hendaklah, bagi maksud peraturan ini, tidak tertakluk kepada ubah suaian itu.

Borang

36. Borang dalam Jadual Kedua adalah ditetapkan bagi kegunaan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan ini.

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL PERTAMA

[Peraturan 33]

PEJABAT PENTADBIRAN CUKAI JUALAN DI MALAYSIA

Lokasi Pejabat	**Daerah yang Dikhidmati**
A. Perlis	Kangar
B. Kedah	
Alor Star	Kota Star Kubang Pasu Padang Terap Pendang Yan
Sungai Petani	Baling Kuala Muda Sik
Kulim	Bandar Baru Kulim
Langkawi	Pulau Langkawi dan semua pulau-pulau yang berhampiran yang terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada tanah besar
C. Penang	
Seberang Jaya	Seberang Prai Utama Seberang Prai Tengah Seberang Prai Selatan
Georgetown	Pulau Pinang Barat Daya Pulau Pinang Timur Laut
D. Perak	
Taiping	Krian Kuala Kangsar Larut dan Matang Perak Hulu Selama

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Ipoh	Kinta
Sitiawan	Manjong Perak Tengah Lumut
Telok Intan	Bagan Datuk Batang Padang Hilir Perak Muallim Sabak Bernam

E. Selangor

Pelabuhan Klang	Pelabuhan Klang Klang Kuala Langat Kuala Selangor
Subang	Petaling (kawasan pentadbiran di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya)

F. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	Sepang Wilayah Persekutuan Putrajaya Gombak
Kelana Jaya	Petaling (kecuali kawasan pentadbiran di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Subang Jaya) Ulu Langat Ulu Selangor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

G. Negeri Sembilan

Seremban	Jelebu Jempol Kuala Pilah Rembau Seremban Tampin

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Port Dickson	Port Dickson
H. Melaka	
Melaka	Alor Gajah Jasin Melaka Tengah
I. Johor	
Muar	Muar
Batu Pahat	Batu Pahat
Kluang	Kluang Mersing
Johor Bahru	Johor Bahru
Segamat	Segamat Gemas
Pontian	Pontian
Kota Tinggi	Sg. Rengit Bandar Penawar Gugusan Felda Adela Pengerang Sedili
J. Pahang	
Bentong	Bentong Lipis Raub Cameron Highlands
Temerloh	Temerloh Jerantut Maran Bera
Kuantan	Kuantan Pekan Rompin

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

K. Terengganu

Kuala Terengganu	Kuala Terengganu Marang Ulu Terengganu Besut Setiu Kuala Nerus
Kemaman	Kemaman Dungun

L. Kelantan

Kota Bharu	Bachok Gua Musang Kota Bharu Kuala Krai Machang Pasir Puteh
Pengkalan Kubor	Tumpat
Rantau Panjang	Jeli Pasir Mas Tanah Merah

M. Sarawak

Kuching	Semua daerah dalam Bahagian Kuching, Semarahan, Sri Aman dan Betong
Sibu	Semua daerah dalam Bahagian Kapit dan Sibu dan daerah Mukah dan Dalat dalam Bahagian Mukah
Miri	Semua daerah dalam Bahagian Miri
Limbang	Semua daerah dalam Bahagian Limbang
Sarikei	Semua daerah dalam Bahagian Sarikei dan daerah Matu dan Daro dalam Bahagian Mukah

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Bintulu	Semua daerah dalam Bahagian Bintulu
N. Sabah	
Kota Kinabalu	Semua daerah di Pantai Barat dan Kudat termasuk daerah Sipitang, Menumbok, Beaufort, Membakut dan Kuala Penyu
Lahad Datu	Daerah Lahad Datu
Sandakan	Semua daerah dalam Bahagian Sandakan
Tawau	Semua daerah dalam Bahagian Tawau (kecuali Daerah Lahad Datu)
Keningau	Semua daerah dalam Bahagian Pedalaman kecuali Sipitang, Menumbok, Beaufort, Membakut dan Kuala Penyu
O. Wilayah Persekutuan Labuan	Pulau Labuan dan pulau takluknya, iaitu Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

JADUAL KEDUA

[Peraturan 36]

SST-01

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT

PERMOHONAN PENDAFTARAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN
APPLICATION FOR SALES TAX AND SERVICE TAX REGISTRATION

Nota Penting *(Important Notes)*

1) Sila isikan borang ini menggunakan **HURUF BESAR** sahaja.
*Please use **BLOCK LETTERS** only.*
2) Sila rujuk **Panduan Mengisi Borang Pendaftaran SST-01.**
*Please refer to **SST-01 Registration Form Guidelines.***
3) Sila rujuk **Kod Tariff Kastam** bagi mengisi butiran kod tariff bagi barangan siap untuk Cukai Jualan atau **Kod Jenis Perkhidmatan** bagi jenis perkhidmatan untuk Cukai Perkhidmatan.
*Please refer to the Custom Tariff Code to fill in the tariff code of finished goods for Sales Tax or Service Type Code for service type for Service Tax**
4) Ruangan yang bertanda (*) adalah wajib diisi.
Column with (*) is a mandatory field.
5) Sila tandakan (X) dalam petak yang berkenaan.
Please tick (X) accordingly.
6) Sila hubungi Pusat Panggilan Kastam di talian 1-300-88-8500 / 03-78067200 atau emel ccc@customs.gov.my untuk pertanyaan lanjut.
Please contact Customs Call Center at 1-300-88-8500 / 03-78067200 or email ccc@customs.gov.my for further enquiry.

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PERNIAGAAN
PART A : BUSINESS PARTICULARS

Jenis permohonan pendaftaran / *Type of registration application*

☐ **CUKAI JUALAN / *SALES TAX*** ☐ **CUKAI PERKHIDMATAN / *SERVICE TAX***

☐ **PENDAFTARAN SUKARELA – Bawah Nilai Jualan Barang / Perkhidmatan Bercukai / Aktiviti Yang Dikecualikan**
VOLUNTARY REGISTRATION – Below Sale Value Of Taxable Goods / Service / Exempted Activities

1) Sila isikan maklumat berkaitan:
Please fill in relevant details:

a) No. Pendaftaran GST.
GST Registration No. ☐

b) No. Pendaftaran Cukai Pelancongan
Tourism Tax Registration No. ☐

c) No. Rujukan Cukai Pendapatan
Income Tax Reference No. ☐

2) No. Rujukan Audit Kastam (jika berkaitan)
Customs Audit Reference No. (if any)

3) Jika permohonan disebabkan oleh penggantian pemiagaan pengilang berdaftar, sila isikan tarikh penggantian, nombor daftar dan nama pengilang berdaftar terdahulu.
If the application is due to the registered manufacturer's business is succeeded, please fill in the date of succession, previous registration number and previous registered manufacturer's name.

4) Jenis Pemiagaan* : *Business Types** (Sila tandakan (X) petak yang berkenaan) *(Please tick (X) accordingly)*

a) Pemilikan Tunggal *Sole-Proprietorship* ☐
b) Rakan Kongsi *Partnership* ☐
c) Syarikat Sendirian Berhad *Private Limited Company* ☐
d) Bahagian atau Cawangan *Division or Branch* ☐
e) Perkongsian Liabiliti Terhad *Limited Liability Partnership* ☐
f) Syarikat Berhad *Limited Company* ☐
g) Pertubuhan *Association* ☐
h) [1]Lain-lain *[1]Others* ☐

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

5) No. Pendaftaran Perniagaan atau No. Kad Pengenalan *
*Business Registration No. or Identity Card No.**

6) Nama dan Alamat Berdaftar Pemiagaan.*
*Name and Registered Address of Business.**

7) Nama Perdagangan
Trade Name

8) Alamat Tempat Pengilangan
Place of Manufacturing Address

9) Nama dan Alamat Cawangan
(Jika ada)
Name and Branch Address
(If any)

10) Alamat Surat Menyurat Perniagaan (jika berlainan dari item 6)
Correspondence Address of Business (if different from item 6)

11) No. Telefon.*
*Telephone No.**

12) No. Faks.
Fax No.

13) Alamat E-mel *
*Email Address **

14) Senarai Maklumat Pengarah / Pemilik Perniagaan.*
*Details of Director / Owner.**

(a) Bil. *No.*	*(b)* Nama * *Name *	*(c)* Alamat Terkini * *Current Address *	*(d)* No. Tel.* *Tel. No.**	*(e)* No. Kad Pengenalan* Passport / *Identity Card / Passport No.**	*(f)* Warganegara* *Nationality *	*(g)* Tarikh Lantikan* *Appointment Date**

BAHAGIAN B : BUTIRAN PENGILANGAN/ PERKHIDMATAN
PART B : MANUFACTURING / SERVICE DETAILS

15) Senarai Barang Siap / Perkhidmatan Bercukai
List of Taxable Finished Goods / Service:

a) (1) Nama Barangan Siap* dan (2) Kod Tariff*
(1) Finished Goods and (2) Tariff Code**

i. (1) .....
(2) ☐☐☐☐ ☐☐ ☐☐☐☐

ii. (1) .....
(2) ☐☐☐☐ ☐☐ ☐☐☐☐

b) Tandakan (X) jika ada membuat kerja subkontrak* ☐
*Tick (X) for subcontract work**

(1) Nama Barangan Siap* dan (2) Kod Tariff*
(1) Finished Goods and (2) Tariff Code**

i. (1) .....
(2) ☐☐☐☐ ☐☐ ☐☐☐☐

ii. (1) .....
(2) ☐☐☐☐ ☐☐ ☐☐☐☐

c) (1) Pilih Kumpulan Perkhidmatan berkaitan (Rujuk Lampiran A)*
Select relevant Service Group (Refer to Annex A)
(2) Jelaskan Perkhidmatan (Jika Perlu)
Specify Service (If required)

(1) ☐ ☐☐☐☐ ☐☐ ☐☐☐
(2) .....

(1) ☐ ☐☐☐☐ ☐☐ ☐☐☐
(2) .....

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

16) Isi maklumat berkaitan:
Fill in relevant details:

(Hari) *(Day)* / (Bulan) *(Month)* / (Tahun) *(Year)*

a) Tarikh Mula Perniagaan *
*Business Commencement Date**

b) Tarikh Mula Pengilangan / Perkhidmatan *
*Manufacturing / Service Commencement Date**

c) Tarikh Mencapai Nilai Jualan Barang Bercukai / Nilai Kerja Yang Dilakukan / Perkhidmatan Bercukai
Date of Achieving Sale Value of Taxable Goods / Value of Work Performed /Value of Taxable Service

17) Jumlah Nilai Jualan Barang Bercukai / Nilai Kerja Yang Dilakukan / Nilai Perkhidmatan Bercukai Tahunan *
*Total Annual Value of Taxable Goods Sale / Value of Work Performed/Value of Taxable Service **
RM

18) Barang-barang dijual / dilupuskan dengan cara berikut.*
Goods sold or disposed of by :
(Nyatakan peratusan (%) jualan / pelupusan)
(Indicate percentage (%) of goods sold or disposed of)

a) Jualan Tempatan
Local Sales

b) Eksport
Export

c) Jualan ke Kawasan Khas / Kawasan Ditetapkan
Sale to Special Areas / Designated Areas

d) Lain-lain (nyatakan)
Others (specify) .....

19) Bulan Kewangan Tahunan Berakhir.*
*Financial Year End Month.**
(bulan) *(month)*

BAHAGIAN C : AKUAN PEMOHON
PART C : APPLICANT DECLARATIONS

20) Saya, mengaku bahawa maklumat dinyatakan dalam borang ini dan dokumen sokongan disertakan adalah benar dan lengkap.
I, hereby declare that the information stated in this form and any supporting documents furnished as true and complete.

Tarikh / *Date*

(hari) *(day)* / (bulan) *(month)* / (tahun) *(year)*

.....
